

02/08/2003

Kerusi MIC, bomoh dan pelaburan Cina fokus utama

Magendran Rajagopal; Teh Kean Kiat

PERMINTAAN Presiden MIC, Datuk Seri S samy Vellu, supaya sekurang-kurangnya 10 kerusi tambahan diperuntukkan kepada parti itu pada pilihan raya umum kali ini menjadi perbincangan utama dalam Tamil Nesan dan Malaysia Nanban minggu ini.

Nesan memetik beliau sebagai berkata, MIC mengharapkan sekurang-kurangnya dua kerusi Parlimen dan antara enam hingga lapan kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN), manakala Nanban pula melaporkan bahawa MIC mahukan dua kerusi Parlimen dan lapan kerusi DUN.

Bercakap kepada pemberita selepas melawat tapak pembinaan Institut Perubatan, Sains dan Teknologi Asia (AIMST) yang dimiliki MIC, Samy Vellu berkata parti itu akan mengemukakan permohonan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dalam masa terdekat.

Sementara itu, Nesan turut melaporkan ingatan Presiden Malaysian Hindu Sangam, Datuk A Vaithilingam kepada masyarakat India supaya berwaspada dengan kegiatan bomoh palsu dan pengamal ilmu hitam yang kononnya mampu memulihkan orang dirasuk makhluk halus.

Katanya, pegangan agama masyarakat harus diperkukuhkan supaya tidak mudah terpedaya dengan cerita karut golongan tertentu yang hanya mahu mengaut keuntungan mudah dengan melakukan pelbagai kaedah penipuan, terutama dengan menggunakan agama.

Beliau berkata demikian bagi mengulas kejadian baru-baru ini membabitkan 15 anggota satu keluarga diselamatkan polis selepas diculik dua pengamal ilmu hitam serta dua pembantu selepas dipukau kononnya bagi mengubati jasad yang diresapi semangat syaitan.

Akhbar yang sama melaporkan, pengamal ilmu hitam itu adalah warga India dan akan didakwa di mahkamah atas tuduhan menipu.

Nesan dan Nanban juga melaporkan mengenai rungutan tukang gunting rambut tradisional di Pulau Pinang yang menghadapi masalah kekurangan tenaga kerja dan meminta kerajaan membenarkan kemasukan kira-kira 2,500 tukang gunting dari India bagi mengatasi masalah itu.

Jurucakap Persatuan Tukang Gunting Berketurunan India Pulau Pinang memberitahu Nanban bahawa dua memorandum sudah diserahkan kepada Timbalan perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berhubung perkara itu.

Kedua-dua akhbar itu juga menyambut baik keputusan Radio dan Televisyen Malaysia (RTM) mengubah waktu siaran berita Tamil pada jam 8.30 malam berbanding jam 5.30 petang sebelum ini, sekali gus membolehkan lebih ramai memanfaatkan siaran itu.

Nesan memetik kenyataan Samy Vellu bahawa rombakan waktu siaran berita Tamil dan Mandarin itu akan membolehkan lebih ramai rakyat mengikuti perkembangan terkini masyarakat masing-masing, terutama mengenai agenda pembangunan yang dirancang kerajaan.

Sementara itu, Persidangan Usahawan Cina Sedunia ke-7 (WCEC) selama tiga hari mulai 27 Julai lalu diharap menjadi pentas kepada usahawan Cina seluruh dunia menjalin hubungan lebih erat dan meningkatkan kerjasama untuk bersaing dengan kaum lain.

Sin Chew Daily dalam lidah pengarangnya kelmarin berpendapat, persidangan itu memberi peluang kepada usahawan Cina dari seluruh dunia bertukar pengalaman membangunkan ekonomi dan menerokai pasaran pelaburan.

China dengan penduduk seramai 1.2 bilion adalah pasaran besar yang menjadi sasaran semua pihak. Bagaimanapun, persidangan itu akan menjadi penyelarasan antara usahawan Cina di seluruh dunia dan usahawan di China

mewujudkan kerjasama untuk mengelakkan persaingan negatif sesama sendiri.

Katanya, untuk mendapat tempat di ekonomi global, usahawan Cina perlu mengumpulkan semua kebijaksanaan dan sumber untuk bersama-sama merebut peluang perdagangan baru dalam masa singkat.

Penganalisis semasa Sin Chew Daily pada Rabu lalu menyeru kerajaan supaya mengambil beberapa langkah, termasuk meningkatkan ketelusan pentadbiran dan daya saing, menjalankan tugas berdasarkan piawaian antarabangsa serta mengukuhkan pengurusan dana dan khidmat perbankan untuk membolehkan usahawan Cina tempatan menyumbang tenaga ke arah membangunkan negara.

Untuk meningkatkan daya saing, Malaysia perlu menjauhi isu perkauman dalam dasar ekonominya kerana pelaksanaan dasar ekonomi berat sebelah akan mengakibatkan masyarakat Cina kehilangan dana dan kemungkinan menghalang peningkatan kecekapan organisasi kewangan tempatan.

Penganalisis semasa China Press pula pada Khamis lalu berharap usahawan Cina dapat merebut peluang sedia ada dengan melangkah daripada cara tradisional dan menggunakan teknologi serta kemahiran baru untuk meningkatkan daya saing.

Katanya, usahawan Cina di seluruh dunia tidak patut menjadikan diri sebagai matlamat mencari keuntungan kerana tindakan itu hanya akan menyebabkan mereka berasa tidak selamat dan tidak dapat mengembangkan kekuatan diri walaupun kaya.